



# KAD LAPORAN




SEPT - DIS 2023

Disunting oleh:

Dr. Tg Ainul Farha Tg Abdul Rahman  
Dr. Zalika Adam

# TERAS PKAUSIM

TIGA TERAS UTAMA PKAUSIM ADALAH





## KEBAJIKAN

Bilik Mesyuarat Utama FSU, USIM– Pada 5 September 2023, Persatuan Kakitangan Akademik USIM (PKAUSIM) telah menjemput tiga syarikat takaful (PruBSN, AIA, FWD) bagi memberi pencerahan kepada staf akademik USIM dan mendapatkan perkhidmatan takaful sebagai persediaan kewangan di dalam situasi yang tertentu.



**5 SEPT 2023**

**TAKLIMAT TAKAFUL**




## KEBAJIKAN

Aplikasi Zoom – Pada 13 September 2023, Persatuan Kakitangan Akademik USIM (PKAUSIM) telah menjemput Presiden Kongres Persatuan Akademik Malaysia (MAAC), Profesor Dr. Ahmad Ismail FASc bagi membincangkan isu integriti dalam kalangan ahli akademik. Program ini dipimpin oleh Prof. Madya Dr. Roslee bin Ahmad yang juga merupakan Biro Jaringan Luar bagi Persatuan Kakitangan Akademik USIM (PKAUSIM).

**13 SEPT 2023**


**FORUM: INTEGRITI PEMANGKIN DUNIA AKADEMIK  
(HARI AKADEMIKA USIM 2023)**





## KEBAJIKAN



Dreamtel Sports Complex, Nilai – Pada 14 September 2023, Persatuan Kakitangan Akademik USIM (PKAUSIM) telah mengadakan kejohanan badminton bersempena dengan Hari Akademia peringkat USIM 2023. Kejohanan ini menyaksikan penyertaan yang menggalakkan dalam kalangan staf akademik USIM. Kejohanan ini bertujuan untuk memupuk semangat kesukanan dan penjagaan kesihatan di kalangan staf akademik USIM. Kejohanan ini juga telah merapatkan hubungan sesama staf. **Tlg masukkan iklan berkaitan di sini**



**14 SEPT 2023**

**KEJOHANAN TERBUKA BADMINTON (HARI AKADEMIA USIM 2023)**





Perpustakaan USIM – Pada 21 September 2023, Persatuan Kakitangan Akademik USIM (PKAUSIM) telah menjalankan pertandingan KEMAS (Kreatif dan Menyelesaikan Masalah) bersempena dengan sambutan Hari Akademia bertempat di Bilik Seminar Perpustakaan USIM. Pertandingan ini menyaksikan penyertaan yang menggalakkan di kalangan staf akademik USIM yang bertujuan untuk menghasilkan idea-idea berbentuk poster atau produk demi menyelesaikan sesuatu masalah dalam bidang yang diceburi. Tahniah diucapkan kepada jawatankuasa program, juri-juri serta peserta-peserta yang turut serta dalam memeriahkan lagi pertandingan ini. **Tlg masukkan iklan berkaitan di sini**

**21 SEPT 2023**

**PERTANDINGAN KEMAS (HARI AKADEMIKA USIM 2023)**



## AKADEMIK

Persatuan Kakitangan Akademik USIM (PKAUSIM) telah menjemput tiga orang panel, Puan Nor Shasharina Suhaimi (Seksyen Persaraan dan Rekod), YM Tunku Nazruddin Tunku Yahaya (Seksyen Saraan dan Cuti) dan Puan Norhaida Abd Shukor (Seksyen Perkhidmatan) bagi memberi taklimat kepada staf akademik USIM berkait dengan isu persaraan, cuti dan perkhidmatan. Program ini dijalankan secara hibrid, dan telah berjaya mengumpul lebih daripada 140 orang hadirin, atas talian dan fizikal untuk turut serta dalam program ini. Terdapat pelbagai persoalan dilontarkan oleh para staf akademik USIM kepada para panel untuk mendapatkan penjelasan berkait isu-isu tertentu.

**22 SEPTEMBER 2023**

**TAKLIMAT PERKHIDMATAN CEMERLANG: PERSEDIAAN  
MASA HADAPAN**





## AKADEMIK



5 Oktober 2023 – Persatuan Kakitangan Akademik USIM (PKAUSIM) dengan kerjasama Pusat Kecemerlangan Pengajaran dan Pembelajaran (CETL USIM) telah menganjurkan Majlis Pelancaran Hari Akademia USIM 2023 bersempena dengan sambutan Hari Akademia. Majlis ini telah dirasmikan oleh Naib Canselor USIM, Profesor Dato' Ts. Dr. Sharifudin Md Shaarani di bawah tema 'Integriti Pemangkin USIM Cemerlang USIM disayang'. Antara pengisian majlis ini termasuk pelancaran Modul Personal Tutelage oleh CETL, penyampaian hadiah sempena Hari Akademia. **Tlg masukkan iklan berkaitan di sini**

**5 OKTOBER 2023**

**MAJLIS PELANCARAN HARI AKADEMIKA USIM 2023**





7 Oktober 2023 - Persatuan Kakitangan Akademik USIM (PKAUSIM) telah menjalankan program Hari Keluarga PKAUSIM bagi tahun 2023 yang diadakan di Camar Laut Resort, Bagan Lalang Sepang. Program kali ini menampilkan hampir 40 keluarga dapat turut serta bagi memeriahkan aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Antara acara utama yang dijalankan adalah sukaneka dan ianya mencakupi semua kategori umur dari bawah 3 tahun sehingga ke golongan dewasa. Tolong masukkan iklan hari keluarga PKAUSIm di sini

**7 OKTOBER 2023**

**HARI KELUARGA PKAUSIM 2023**



## KEBAJIKAN



Padang USIM, Nilai- Pada 2 Disember 2023 Persatuan Kakitangan Akademik USIM (PKAUSIM) telah bertugas sebagai jawatankuasa jamuan dalam program Hari Keluarga USIM 2023. Wakil daripada persatuan telah bersama sama dengan persatuan-persatuan lain di universiti dalam menyempurnakan perjalanan program. Program Hari Keluarga USIM menyaksikan hampir 500 orang yang turut serta termasuk ahli keluarga staf USIM. Tolong masukkan iklan hari keluarga usim di sini

**2 DISEMBER 2023**

**HARI KELUARGA USIM 2023**





Aplikasi Zoom- Pada 19 Disember 2023, Persatuan Kakitangan Akademik USIM (PKAUSIM) telah menganjurkan program Seminar Antarabangsa Islam & Sais bagi tahun 2023 untuk sesi atas talian. Program telah bermula seawal jam 9 pagi dan menampilkan pembentangan-pembentangan hebat daripada peserta program yang terbahagi kepada empat sidang bagi satu masa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Arab dan *Extended Abstract*.

**19 DISEMBER 2023**

**SEMINAR ANTARABANGSA ISLAM DAN SAINS 2023 (ATAS TALIAN)**





Bandar Madinah, Arab Saudi – Pada 20 Disember 2023, Persatuan Kakitangan Akademik USIM (PKAUSIM) telah menjalankan program Seminar Antarabangsa Islam & Sais bagi tahun 2023 secara fizikal di Madinah Munawwarah. Program ini merupakan kerjasama Persatuan Pelajar Malaysia Madinah (PERSADA). Program diisi dengan tausiyah serta pembentangan kertas oleh pembentang-pembentang jemputan.

**20 DISEMBER 2023****SEMINAR ANTARABANGSA ISLAM DAN SAINS 2023 (FIZIKAL)**



**“Setiap detik dalam hidup  
adalah perjalanan, setiap  
perjalanan adalah pelajaran”**

**Biro Multimedia PKAUSIM**